

## Pegawai kerajaan diminta fahami tanggungjawab

UM 22 SEP 2001

ALOR SETAR 21 Sept. — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad meminta pegawai kerajaan sama ada di peringkat tertinggi atau rendah supaya sentiasa memahami tentang tugas dan tanggungjawab sebenar mereka.

Perdana Menteri berkata, kefahaman tentang apa yang perlu dibuat dan apa yang tidak adalah penting kerana ia akan menentukan kejayaan sesebuah negara.

Bagaimanapun katanya, penglibatan semua pihak termasuk rakyat secara keseluruhan juga penting kerana semua rancangan yang diatur tidak akan berjaya tanpa sokongan padu.

“Saya harap semua pegawai kerajaan ada fail meja yang menunjukkan apakah tanggungjawab yang perlu dibuat oleh mereka di samping mengetahui perjalanan kerja dan cara-cara membuat sesuatu kerja.

“Dengan cara ini saya yakin bahawa pelaksanaan akan berjalan dengan lebih baik,” katanya ketika berucap pada majlis pelancaran Pelan Tindakan Kedah Maju (PTKM) 2010 di Wisma Darul Aman di sini, hari ini.

Perdana Menteri menarik perhatian, jika Kedah hendak melihat kejayaan dalam pembangunan, ia mestilah memastikan pegawai-pegawainya bekerja secara tersusun dan tertib.

Beliau turut menegaskan kerenah birokrasi di jabatan kerajaan perlu dielakkan kerana ia menyebabkan banyak kerja pembangunan yang penting tidak dapat dilaksanakan.

“Walaupun wang diperuntukkan, akibat kerenah birokrasi, banyak rancangan tidak dapat dijayakan,” katanya.

Beliau berkata, kerajaan negeri juga perlu memandang serius serta bertindak segera terhadap laporan audit yang menyentuh tentang kelemahan pentadbiran sekiranya ia berlaku.

“Kita sering membaca dalam laporan audit berkenaan dengan pemerintahan negeri-negeri, kita dapati pihak audit sering menegur tentang kelemahan dalam pentadbiran kewangan.

“Tetapi tahun demi tahun teguran yang sama dibuat kerana tidak ada tindakan yang diambil untuk membetulkan cara-cara yang salah,” katanya.

Dr. Mahathir turut me-

lahirkan harapannya agar setiap pihak dapat melengkapkan diri dengan segala pengetahuan supaya apa juga rancangan atau pelan yang dirangka dapat dilaksanakan dengan jaya.

“Kalau rakyat buat tuntutan yang bukan-bukan dengan menghalang pembangunan, rakyatlah yang akan rugi dan jadi mangsa.

“Dalam usaha untuk membuat pembangunan, ada yang perlu berpindah, ada yang perlu berkorban sedikit tanah, ada yang perlu menerima sagu hati, mereka hendaklah sokong dengan positif segala tindakan ini,” katanya.

Selain itu, kata Perdana Menteri, aspek lain yang perlu diambil kira ialah rakyat perlu mengekalkan kestabilan politik dalam negara secara berterusan.

“Saya harap unsur-unsur politik yang negatif tidak menghalang pelaksanaan Pelan Kedah Maju ini. Kalau kita membawa perkara-perkara yang tidak ada kaitan, maka sudah tentulah kita tidak dapat menjayakan pelan ini,” katanya.